

07 NOV 2003

ABDULLAH DILANTIK Pengerusi BN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini dilantik sebagai pengerusi Barisan Nasional (BN), genap seminggu beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Dewan Tertinggi BN sebulat suara membuat pelantikan itu pada mesyuaratnya di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Abdullah, yang juga pemangku Presiden Umno, mengumumkan perkara itu pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Beliau juga berkata wakil Pemuda BN Datuk Hishammudin Tun Hussein dan wakil wanita BN Datuk Seri Rafidah Aziz turut menghadiri mesyuarat itu buat pertama kali.

Abdullah berkata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dilantik mengetuai jawatankuasa jamuan meraikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad selepas Hari Raya Aidilfitri.

-- Bernama

JM AZZ BK